

# Pengurusan masjid dirombak

Oleh WAN HAMIDI

KUANTAN, Jumaat — Pentadbiran masjid akan dilemaskinkan supaya ia dapat berfungsi ke arah meningkatkan perpaduan umat Islam di negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan sedang menyusun pelbagai program untuk memantapkan lagi perpaduan umat Islam, termasuk melalui program pembaikan masjid dan penyusunan semula pentadbiran masjid di seluruh negara.

"Masjid akan dijadikan tempat menjalin kasih-sayang, hormat-menghormati, tolong-menolong di kalangan orang Islam dan bukan tempat pertelingkahan dan bertikam lidah antara satu dengan lain," katanya ketika menutup Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan yang bertemakan 'Bersatu Teguh' di sini, malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan juga terus berusaha menyatupadukan semua kaum di negara ini supaya wujud masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.

Katanya, perpaduan rakyat, terutama umat Islam di negara ini yang menolak ideologi komunis membawa kepada keteguhan agama, bangsa dan negara.

Belia menjelaskan, perletakan senjata Parti Komunis Malaya (PKM) baru-baru ini membuktikan kegagalan mereka untuk menguasai rakyat, khususnya umat Islam melalui ideologi mereka.

"Inilah natijahnya daripada perpaduan. Kita rakyat Malaysia bersetakat menolak secara total ideologi dan tatacara hidup mereka (komunis)," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkembangan dakwah juga membanggakan kerana semakin ramai umat Islam yang berminat untuk menghayati syiar Islam.

Bagaimanapun, katanya, ada pula sekumpulan pendakwah yang suka menimbulkan perkara furu atau perkara cabang, sama ada daripada sudut hukum atau iktikad (kepercayaan) yang sudah sepatutnya diterima kerana diputuskan oleh ulama Islam.

"Penonjolan isu ini sebenarnya tidak langsung mendatangkan apa-apa manfaat bahkan boleh membawa kepada kekeliruan dan perbalahan dan seterusnya, perpecahan," katanya.

"Kita bersyukur kerana rakyat Malaysia tidak keterlaluan sehingga mencetuskan masalah yang tidak dikehendaki oleh agama," katanya.